

**Negara berhak guna anggota keselamatan- Dr Mahathir**  
**ABN News**  
**05 Mar 2013**  
**Oleh Hilmi Haji Ali**

SERI KEMBANGAN – Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad menolak dakwaan tindakan negara menggunakan anggota keselamatan bagi menangani pencerobohan di Lahad Datu, Sabah sebagai melampau kerana pihak yang menerima serangan adalah Malaysia,

Dr Mahathir berkata, disebabkan anggota polis negara diserang terlebih dahulu dan rundingan demi rundingan telah dibuat, maka menggunakan tentera adalah lebih berhak setelah pelbagai pertimbangan dibuat.

“Ye la, kalau mereka serang dengan senjata, bunuh orang kita, macam mana lagi kita nak atasi masalah ini?”

“Mereka nampak begitu ganas, datang dengan senjata, itu pun dah satu kesalahan. Kalau ada mana-mana pasukan datang mendarat dengan senjata, kita berhak guna senjata, melawan mereka dengan senjata. Kita dah tunggu agak lama sebelum kita bertindak. Kita bertindak hanya kerana mereka membunuh polis kita,” kata Dr Mahathir.

Namun hakikatnya Dr Mahathir berkata gerakan yang dibuat oleh anggota keselamatan negara adalah disifatkan agak kompleks memandangkan ada dakwaan tindakan tentera adalah terlewat sehingga lapan anggota Polis meninggal dunia.

“Ada yang kata bertindak terlalu lewat, ada yang kata bertindak terlalu cepat. Kita tidak tahu mana yang betul mana yang salah. Ini adalah situasai gerakan yang sangat kompleks.”

Tambah Dr Mahathir, negara tidak boleh menyerang balas tentera penceroboh dengan begitu sahaja kerana terdapat penduduk di kawasan berkenaan.

“Kalau kita serang balas begitu sahaja, mungkin ramai akan jadi mangsa. Kita perlu berhati-hati. Seboleh-bolehnya kita tak nak menyebabkan kematian,”

“Tapi mereka ini cukup ganas, tak cukup dengan bunuh, mereka pancung kepala, korek mata kepada mayat. Ini situasi bertentangan dengan agama. Kalau mereka rasa mereka islam sepatutnya mereka tak buat,” kata Dr Mahathir.

Ditanya apakah reaksi itu akan menyebabkan undi daripada rakyat Sabah akan beralih dengan tidak memilih Barisan Nasional, beliau berkata beliau sendiri tidak tahu reaksi yang akan diberikan mereka.

“Kita tak tahu apa reaksi penduduk di Sabah. Rata-rata orang Sabah ingin mereka selamat. Dengan kerajaan hantar tentera dan polis untuk jaga keselamatan Sabah, saya yakin ini situasi positif kepada BN,” kata Dr Mahathir.

Apapun situasi yang berlaku di Sabah sekerang ini adalah satu masalah baru yang belum pernah dihadapi negara.

“Kita berhadapan masalah baru, kita tak pernah lihat benda ini dalam negara kita. Walaupun biasa perang dalam hutan, tapi ini cubaan menggunakan orang ramai sebagai

perisai. Mereka lakukan sesuatu cukup buruk, dedahkan orang tak berdosa, kemungkinan mereka terbunuh," tambah Dr Mahathir.

Manakala soal situasi yang berlaku disifatkan pembangkang sebagai satu sandiwara pula, beliau memberi reaksi berikut.

"Pembangkang semua tak kena, dulu kita buat jambatan dia kata tak baik, sekarang ni dia buat jambatan nombor dua pula. Kita buat Putrajaya mereka nak lelong, sekarang nak ke Putrajaya pula. Pembangkang ni, apa yang kita buat semua tak kena," katanya.

© 2013 Asian Broadcasting Network (M) Sdn Bhd (514935-T). All Rights Reserved.

Source: <http://news.abnxcross.com/bm/2013/03/negara-berhak-guna-anggota-keselamatan-dr-mahathir/>